

30 JUN 1998

Samy Vellu-Air

KERTAS KERJA MAJLIS SUMBER AIR NEGARA SIAP MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini berkata yang kertas kerja mengariskan butir-butir seperti bekalan air dan kadar caj air akan siap hujung minggu depan.

Beliau berkata, pegawai-pegawai Jabatan Kerja Raya (JKR) akan bermesyuarat secepat mungkin untuk menyediakan kertas kerja itu.

Majlis Sumber Air Negara (MSAN), dalam mesyuarat pertamanya yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, telah meminta JKR menyediakan kertas kerja itu.

"Kita (JKR) akan membuat beberapa keputusan yang akan disampaikan kepada semua kerajaan negeri untuk dibincangkan," kata Samy Vellu dalam sidang berita selepas menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman antara Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Persatuan Pemfabrikasi Struktur Luar Pesisir Malaysia (OSFAM) bagi mengendalikan program pembangunan kemahiran, di sini.

Beliau berkata, mesyuarat MSAN akan datang dijadualkan bulan depan.

Samy Vellu berkata, pelbagai perkara akan dibincangkan dalam mesyuarat itu termasuk cara-cara mencari sumber air, jenis projek serta kawasan sesuai bagi projek-projek.

Pada mesyuarat semalam, kerajaan-kerajaan negeri bersetuju menyokong majlis itu untuk memastikan bekalan air yang cukup di masa depan bagi seluruh negara.

Majlis itu yang sebelum ini dikenali sebagai Majlis Air Negara juga akan menangani pelbagai isu berhubung pergerakan air antara negeri-negeri.

-- BERNAMA

WNZ JK PR